

08 JAN 1999

Anwar-Saman

ANWAR SAMAN MENTERI DALAM NEGERI, RAHIM NOOR DAN KERAJAAN

KUALA LUMPUR, 8 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini menyaman Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bekas Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor dan kerajaan Malaysia berhubung kecederaan yang dialaminya sewaktu dalam tahanan polis.

Writ saman itu difailkan di pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Sivil, Wisma Denmark di sini melalui peguam beliau, Karpal Singh dan Gobind Singh Deo, pada pukul 10.30 pagi.

Dalam pernyataan tuntutanannya Anwar menamakan Dr Mahathir sebagai Menteri Dalam Negeri yang bertanggungjawab ke atas pasukan Polis Diraja Malaysia sebagai defendan pertama.

Beliau menamakan Abdul Rahim sebagai defendan kedua dan kerajaan sebagai defendan ketiga.

Anwar berkata beliau ditangkap pada 20 Sept 1998 di kediamannya kira-kira pukul 10 malam dan dibawa keluar oleh polis dalam sebuah van.

Katanya beliau dibawa ke Bukit Aman dan diletakkan dalam sebuah lokap. Antara pukul 11 malam dan 11.30 malam beliau telah diikat matanya dan digari dari belakang.

Anwar mendakwa bahawa semasa beliau digari dan diikat matanya beliau telah diarahkan bangun dan tiba-tiba beliau merasa satu tumbukan kuat pada mata kiri dan dahinya.

Anwar juga mendakwa dipukul di kepala dan dipukul teruk pada sebelah kiri lehernya serta ditampar dengan teruk beberapa kali sehingga darah mengalir dari hidung dan mulut.

Apabila beliau hampir sedar, katanya, beberapa anggota polis membantu mengelap darah dan selepas itu beliau tidak sedarkan diri. Pada keesokannya, Anwar terasa satu lebam besar pada mata kirinya dan tidak dapat membukanya.

Anwar juga mendakwa pukulan pada lehernya memburukkan kecederaan lamanya dan ini mempengaruhi urat saraf pada tangan kanan beliau yang menyebabkan beliau tidak dapat menggerakkannya untuk beberapa hari.

Anwar turut mendakwa tidak dapat berjalan dengan baik sehingga terpaksa dibantu oleh anggota-anggota polis dan beliau telah merayu untuk mendapatkan rawatan perubatan tetapi tidak menerima apa-apa selama lima hari.

Anwar berkata tiga hari selepas penangkapannya beliau diletakkan dalam kurungan bersendirian di suatu tempat yang tidak diketahui dan rayuannya untuk rawatan perubatan masih tidak diendahkan. Bagaimanapun, pada hari yang kelima, beliau dibenarkan dirawat seorang doktor wanita.

Bekas timbalan perdana menteri itu mendakwa hanya pada hari yang ketujuh apabila seorang pegawai dari Jabatan Siasatan Jenayah datang menyوالnya, beliau dibenarkan untuk membuat satu laporan polis dan memperolehi rawatan perubatan.

Anwar menuntut gantirugi teladan dan gantirugi teruk kerana beliau telah mengalami trauma, penghinaan, penderitaan dan layanan yang memalukan sepanjang penahanan itu.

Beliau turut menuntut faedah atas jumlah penghakiman pada suatu kadar dan pada suatu jangkamasa yang difikirkan wajar oleh mahkamah, kos dan apa-apa ganti rugi lain yang difikirkan sesuai oleh mahkamah.

Anwar dalam samannya itu turut merujuk kepada kenyataan Dr Mahathir pada 30 Sept yang menyatakan kemungkinan kecederaan yang dialaminya sebagai disengajakan dan kemungkinan Anwar memprovokasi polis.

Katanya kenyataan itu telah memburukkan dan menambah ketidakadilan terhadap beliau dan beliau telah mengalami kecederaan, kehilangan dan kerosakan.

Anwar turut memasukkan kenyataan daripada pakar mata Dr Ahmad Shukri Mohamad mengenai kecederaan mata yang dialaminya sebagai menyokong tuntutan beliau.

-- BERNAMA
KLS NMO RON